

**Himpunan Jutaan Belia Mei 2012 Sasar Kehadiran Dua Juta Orang
Bernama
27 Disember , 2011**

PUTRAJAYA, 29 Dis (Bernama) -- Sejumlah dua juta belia disasar mengunjungi Himpunan Jutaan Belia sempena sambutan Hari Belia Negara 2012 (HBN 2012) yang berlangsung di sini selama lima hari mulai 23 Mei depan.

Kementerian Belia dan Sukan dalam satu kenyataan Khamis menyebut sebanyak 500 acara disediakan dalam 28 segmen, termasuk memaparkan penglibatan belia dalam bidang sukan dan rekreasi, seni budaya, kemahiran dan kepimpinan, teknologi maklumat dan keusahawanan, kerohanian dan jati diri serta penerokaan bidang baharu.

"Di sini, belia juga berpeluang untuk mencari pekerjaan dan mengembangkan bidang kerjaya masing-masing," katanya.

Menurut kenyataan itu, penyertaan golongan berkenaan di peringkat antarabangsa turut diperluas bagi program kali ini, dan belia dari Korea Selatan, Jepun, negara Komanwel serta Asia telah menyatakan persetujuan untuk turut serta dalam pelbagai acara.

Selain itu, Jabatan Belia dan Sukan negeri serta Majlis Belia diberi peluang mempamerkan keunikan kreativiti belia negeri masing-masing sepanjang program tersebut.

Peluang masih dibuka kepada semua belia sama ada secara individu, kumpulan atau kelab serta sektor korporat bagi menyertai program itu.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi sekretariat di talian 03-8871 3629/3632/3285/3707 atau faksimili 03-8888 8725, atau e-mel ceohbn@gmail.com atau layari laman Facebook Hari Belia Negara atau laman web www.kbs.gov.my.

Sementara itu, Karnival Mini HBN 2012 dan Konsert di Ambang Tahun Baru 2012 akan berlangsung selama dua hari mulai Sabtu ini di Laman 1Malaysia, Presint 2 dengan sasaran menghimpunkan 40,000 belia.

Sebanyak 100 acara berbentuk persembahan dan pertandingan disediakan selain 300 gerai jualan dan pameran.

Karnival Mini HBN kedua pula bakal diadakan Januari ini sempena pelancaran Bilik Sekretariat HBN 2012 manakala yang ketiga di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil mulai 10 hingga 12 Feb sempena Karnival Belia Kreatif 2012 (KBK 2012).

"Seterusnya, karnival ini akan bergerak ke negeri Johor, Pahang, Melaka dan Pulau Pinang," menurut kenyataan itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637152>

